

TARIKH	24 / 03 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	9	RUANGAN	Malay

## Cadang bina hotel di Jeddah

**GURUN** - Cadangan pembinaan hotel bagi menggantikan bangunan Madinatul Hujjaj di Jeddah sebagai pusat transit jemaah haji Malaysia sebelum berangkat pulang ke tanah air akan memberi nilai tambah dan keselesaan kepada jemaah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kemudahan fasiliti di bangunan Madinatul Hujjaj kelolaan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) itu kini berada pada

tahap minimum manakala tempoh sewaan bangunan itu hampir tamat.

"Kita fikir masanya sudah sampai bagi Tabung Haji mencari kaedah lebih praktikal untuk menyelesaikan masalah untuk jangka masa panjang dan selama-lamanya. Jadi elok kita bina bangunan baru untuk menempatkan jemaah haji," katanya pada sidang media selepas merasmikan konvensyen Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Zon Utara di Harvard

Suasan Hotel, semalam.

Katanya, Tabung Haji masih dalam peringkat perbincangan dengan kerajaan Arab Saudi dan pemilik tanah berhubung pembelian hartanah bagi membina hotel itu.

Jamil Khir berkata, bagi memastikan kelancaran pergerakan dan urusan jemaah haji Malaysia yang akan berangkat pulang ke tanah air, mereka ditempatkan di Madinatul Hujjaj dua hari lebih awal dari jadual penerbangan mereka. - Bernama